

Pesta buku orang muda

» Medan pertemuan, perbincangan dan jualan karya

Oleh Latifah Arifin
latifah@bharian.com.my

Kemampuan penerbit dan pengarang indie untuk bersaing secara sihat dengan syarikat penerbitan gergasi berhasil mencekutkan fenomena terutama dalam kalangan anak muda masa kini yang menuntut perubahan dalam sesebuah karya.

Justeru, tidak hairanlah acara yang menyatukan penerbit buku indie, iaitu Festival Penulis dan Pembaca Kuala Lumpur 2012 di Perpustakaan Kuala Lumpur, Dataran Merdeka, Jalan Raja, pada 17 hingga 18 November lalu, berjaya menarik ribuan anak muda.

Jualan buku harga potongan
Festival anjuran komuniti indie yang diterajui Sindiket Soljah bukan saja menawarkan jualan buku pada harga potongan, tetapi juga persembahan nyanyian, tayangan filem pendek, puisi dan borak buku ber-



Peminat Kelab Ramli Awang Murshid, bergambar di hadapan gerai pada Festival Penulis dan Pembaca Kuala Lumpur di Perpustakaan Kuala Lumpur.

jika program ini tidak mendapat sambutan khalayak, namun apa yang mengejutkan sejak awal pagi lagi ramai pengunjung terutama generasi muda dalam kalangan pelajar universiti dan sekolah datang.

“Ini menunjukkan perkembangan positif bukan saja terhadap komuniti penerbit buku indie, tetapi memberi petanda bahawa orang muda masih mempunyai minat yang tinggi untuk membaca dan membeli buku,” katanya kepada *Sastera BH* ketika ditemui di gerai jualan buku terbitan Buku Fixi.



Antara pengunjung yang hadir pada **Festival Penulis dan Pembaca Kuala Lumpur di Perpustakaan Kuala Lumpur.**

(FOTO SHARUL HAFIZ ZAM | BERITA HARIAN)

“Antara buku terbitan Sang Freud Press yang laris di pasaran ialah **Langit Vanila** karya Pensyarah Jabatan Penulisan Kreatif, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nur Syazwani Abdul Rahim atau lebih dikenali sebagai Wani Ardy”

Press yang laris di pasaran ialah *Langit Vanila* karya Pensyarah Jabatan Penulisan Kreatif, Fakulti Filem, Teater dan Animasi, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nur Syazwani Abdul Rahim atau lebih dikenali sebagai Wani Ardy,” katanya yang turut memaklumkan kelompok penerbit indie juga sudah ramai menembusi pesta buku arus perdana, terutama, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

Wakil syarikat penerbitan indie Merpati Jingga, Faizal Mustaffa, optimis karya kelompok itu mampu

sama pengarang, di samping jualan amal, lukisan seni khat serta kraf tangan.

Penerbit syarikat buku Fixi, Amir Muhammad, berkata beliau melihat Festival Penulis dan Pembaca Kuala Lumpur 2012 sebagai program khusus untuk penggiat indie dan paling berjaya setakat ini berbanding acara lain yang pernah diadakan sebelum ini.

“Pada mulanya, kami agak risau

Baginya karya indie semakin mendapat perhatian dan mampu menembusi arus perdana kerana ada formula tersendiri bagi menarik minat pembaca, seperti Fixi hanya menerbitkan buku bercorak urban dan kontemporari, seiring dengan kehendak dalam permintaan semasa.

Wakil syarikat dua penerbitan indie di bawah naungan sama, Selut Press dan Sang Freud Press,

Nur Aisyah Ezral, pula melihat pelbagai kegiatan mempromosi penggiat ‘indie’ banyak membantu mengangkat karya mereka untuk berdiri setanding karya arus perdana.

Program seni

“Festival buku indie terbesar yang diadakan setiap tahun adalah Pesta Buku Alternatif Kuala Lumpur (KLABF) pada Jun lalu di Pasar Seni,

Nur Aisyah Ezral,
Wakil Selut Press dan Sang Freud Press

Kuala Lumpur. Kami juga menyertai Festival Penulis dan Pembaca Johor Bahru, selain giat menjual buku pada acara apresiasi puisi dan program seni lain.

“Antara buku terbitan Sang Freud

berdaya saing, malahan mampu menyiapkan kesemua proses pembikinan sesebuah karya dengan usaha sendiri.

“Kami mengusahakan sendiri dari kulit buku hingga pada strategi pemasaran dan Merpati Jingga sudah mengeluarkan lapan buku baru di pasaran pada tahun ini. Kita menjangkakan lebih banyak naskhah bermutu akan menemui pembaca dalam masa terdekat.

“Antara buku laris di pasaran dan sedang giat dipromosikan ialah karya pelakon dan penggiat teater tempatan yang antaranya, *Limelight* karya Faizal Hussein dan *Memoir Bukan Memoir* (Pekin Ibrahim,” ujarnya.

“Buku indie bukan saja ada pengikut dalam kalangan orang muda, saya sendiri sudah menjangkau usia 37 tahun, tetapi gemar membaca karya sebegini kerana gaya bahasa mudah, plot cerita ringan, kreatif dan menghiburkan,” jelasnya.

Promosi karya

Selain lambakan karya indie, kelab peminat penulis genre thriller ter-sohor tanah air, iaitu Kelab Peminat Ramlee Awang Murshid (RAM) turut menjadikan medan Festival Penulis dan Pembaca Kuala Lumpur 2012 untuk mempromosikan karya serta produk mereka.

“Ini adalah kali pertama kami menyertai festival anjuran komuniti indie dan pembabitan ini memberi petanda buku daripada syarikat penerbitan arus perdana juga boleh bergerak seiring dan bekerjasama dengan label indie.

“Kami bukan saja mempromosikan karya RAM, tetapi turut menjual barangan termasuk cenderahati Kelab Peminat RAM, selain turut mempamerkan ‘props’ yang berilhamkan karya RAM yang terdahulu,” katanya

BH Sasteta turut mendapatkan ulasan pengunjung acara itu, Rosnita Abdullah yang berpendapat program seumpama itu wajar lebih kerap diadakan kerana banyak memberi manfaat terutama kepada generasi muda.

“Program ini menjadi tumpuan orang muda dan jika diadakan lebih kerap, sudah pasti ia dapat menjadi medan mereka berkumpul, berbincang mengenai buku yang dibaca dan bertukar pendapat sesama mereka.



“*BH 22/11/12 MS39.*
Pada mulanya, kami agak risau jika program ini tidak mendapat sambutan khalayak, namun apa yang mengejutkan sejak awal pagi lagi ramai pengunjung terutama generasi muda dalam kalangan pelajar universiti dan sekolah datang”

Amir Muhammad
Penerbit Fixi



Antara pengunjung yang mengambil peluang membaca buku pada Festival Penulis dan Pembaca Kuala Lumpur di Perpustakaan Kuala Lumpur.